

UMS Mahu Tingkat Jumlah Penerbitan Buku

Terakhir dikemaskini: Khamis, 14 Februari 2019 14:45 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 157

[Kongsi 0](#)
[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


Resital, pagi tadi.

Beliau menambah, setiap penyelidik tidak perlu lagi memohon untuk menerbitkan buku kerana PPPI akan berhubung terus dengan pihak penerbit UMS.

“Di samping itu, UMS akan berusaha menambah ganjaran dalam bentuk wang tunai bagi memberi pengiktirafan dan motivasi kepada penulis buku akademik untuk terus menggalakkan penerbitan buku ilmiah,” ujar beliau.

Pada majlis tersebut, Datuk Dr. Yusof Yacob menyempurnakan pelancaran sebanyak 24 buku yang diterbitkan sepanjang tahun 2018 hingga Januari 2019 terbitan Penerbit UMS, Dewan Bahasa dan Pustaka, Institut Terjemahan Buku Malaysia, Springer, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universitas Muhammadiyah, Jogjakarta dan Penerbit Kedai Hitam Putih.

KHAMIS, 14 FEBRUARI - Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengharapkan peningkatan dalam jumlah penerbitan buku sejarah dengan penambahan jumlah kakitangan akademik bertaraf profesor.

Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Datuk K Y Mustafa berkata, sehingga kini UMS telah melantik kira-kira 40 profesor dan diharapkan dengan peningkatan bilangan tersebut turut melonjakkan lagi bilangan buku yang dihasilkan UMS.

“Kita mahu pada tahun 2019 sekurang-kurangnya UMS menerbitkan 40 judul buku.

“Kita akan mencari jalan untuk mengiktiraf dan menghargai staf yang menerbitkan buku, antaranya termasuklah cadangan untuk terus menerbitkan setiap penyelidikan yang sudah siap dihantar ke Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) menggunakan geran penyelidikan masing-masing,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya sempena Majlis Pelancaran Buku Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) dan Bicara Bersama Menteri Pelajaran dan Inovasi Sabah, Datuk Dr. Yusof Yacob di Dewan

Hadir sama pada majlis itu Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin; Dekan FKSU Dr. Marsitah Mohd Radzi; serta pegawai utama dan kanan UMS.